

BERITA HARIAN, JUMAAT, 16 APRIL, 1982

## PM umum manifesto esok

**KUALA LUMPUR, Khamis.**— Manifesto Barisan Nasional yang ditunggu-tunggu oleh 13 juta rakyat Malaysia akan diumumkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad di sini, esok.

Sebagai Pengerusi Barisan Nasional, beliau akan memperinci garis perjuangan Barisan Nasional demi agama, bangsa dan negara dalam satu sidang akhbar khas di Ibupejabat parti di Bangunan UMNO di sini.

Datuk Seri Dr. Mahathir akan menyentuh betapa perlunya rakyat jelata bersatupadu bagi menjamin kestabilan politik negara.

Beliau juga dijangka menekankan konsep baru pentadbiran Kerajaan Barisan Nasional untuk lima tahun akan datang di samping penekanan terhadap pembangunan lahiriah dan keimanan di kalangan rakyat negara ini.